



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Badan Pencegahan Rasuah 1982
DR.3/1982

Naskhah sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menubuhkan Badan Pencegah Rasuah, bagi memberi kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai Badan itu dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Badan Pencegah Rasuah 1982. Tajuk ringkas.
2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Badan” ertinya Badan Pencegah Rasuah yang ditubuhkan oleh Akta ini;

“pegawai Badan” ertinya Ketua Pengarah Badan yang dilantik di bawah seksyen 3 (2) dan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 4;

“undang-undang yang ditetapkan” ertinya mana-mana undang-undang bertulis yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* yang mengenainya peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dipakai.

3. (1) Bagi maksud-maksud Akta ini, Akta Pencegah Rasuah 1961 dan mana-mana undang-undang yang ditetapkan, maka adalah dengan ini ditubuhkan Badan Pencegah Rasuah.

Penubuhan
Badan
Pencegah
Rasuah.
Akta 57.

(2) Ketua Pengarah Badan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang dinyatakan dalam suratcara perlantikannya.

Pegawai-
pegawai
Badan.

4. (1) Maka hendaklah dilantik beberapa orang pegawai Badan dan dari sesuatu kelas atau gred, sebagaimana yang difikirkan perlu bagi maksud menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Semua pegawai Badan adalah anggota perkhidmatan awam am Persekutuan.

Kuasa-
kuasa
pegawai
Badan.
N.M.B.
Bab 6.

5. (1) Ketua Pengarah Badan hendaklah mempunyai segala kuasa seseorang Timbalan Pendakwa Raya di bawah Kanun Prosedur Jenayah dan segala kuasa seseorang pegawai Badan.

Akta 41/67.

(2) Bagi maksud-maksud Akta ini, Akta Pencegah Rasuah 1961 dan mana-mana undang-undang yang ditetapkan, seseorang pegawai Badan hendaklah disifatkan sebagai seorang pegawai polis dan hendaklah mempunyai segala kuasa dan imuniti pegawai tersebut yang dilantik di bawah Akta Polis 1967 dan Kanun Prosedur Jenayah dan mana-mana undang-undang bertulis lain hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Akta 235.

(3) Tertakluk kepada seksyen 6, seseorang pegawai Badan hendaklah mempunyai segala kuasa seseorang pegawai kastam di bawah mana-mana undang-undang yang ditetapkan seolah-olah ianya adalah seorang pegawai yang dilantik di bawah Akta Kastam 1967 dan Kanun Prosedur Jenayah hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Kuasa-
kuasa
di bawah
undang-
undang
yang
ditetapkan.

6. (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menetapkan mana-mana undang-undang bertulis yang mengenainya peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dipakai.

(2) Dalam sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau dalam sesuatu perintah yang kemudiannya, Menteri boleh menyatakan bahawa seseorang pegawai Badan dari sesuatu kelas atau gred hendaklah dikira bagi maksud undang-undang itu sebagai setaraf dengan seseorang pegawai dari sesuatu kelas atau gred di bawah undang-undang yang ditetapkan itu.

7. (1) Tiap-tiap pegawai Badan apabila bertindak di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961 atau mana-mana undang-undang yang ditetapkan hendaklah, apabila diminta, menyatakan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya ia bertindak itu atau yang daripadanya ia meminta apa-apa maklumat apa-apa kad kuasa sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Badan supaya dibawa oleh pegawai itu.

Kad-kad kuasa.

(2) Maka tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang enggan mematuhi apa-apa permintaan, kehendak atau perintah yang dibuat oleh seseorang pegawai Badan yang bertindak atau berupa sebagai bertindak di bawah mana-mana undang-undang seperti tersebut di atas jika pegawai itu enggan menyatakan jawatannya dan enggan mengemukakan kad kuasanya apabila diminta oleh orang itu.

8. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah-perintah tadbir yang dipanggil "Perintah-Perintah Tetap" yang tidak bertentangan dengan peruntukan Akta bagi maksud pengawasan am, latihan, tugas dan kewajipan pegawai-pegawai Badan dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau bermanfaat untuk kebaikan pentadbiran Badan atau untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa atau kecuaian menjalankan tugas dan pada amnya untuk memastikan penjalanan fungsi Badan dengan cekap dan berkesan.

Perintah-Perintah Tetap.

9. Tiap-tiap pegawai Badan hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, disifatkan sentiasa dalam tugas apabila dikehendaki bertindak sedemikian dan hendaklah menjalankan tugas dan kuasa yang diberi kepadanya di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain di mana-mana tempat dalam Persekutuan di mana ia mungkin menjalankan tugas itu.

Pegawai disifatkan dalam tugas.

10. (1) Jika apa-apa sebutan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya mengenai Biro Siasatan Negara atau, dalam bahasa Inggeris, "National Bureau of Investigation", maka sebutan itu hendaklah dari mula berkuatkuasanya Akta ini masing-masingnya ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Badan Pencegah Rasuah atau, dalam bahasa Inggeris, "Anti-Corruption Agency".

Pentafsiran sebutan-sebutan mengenai Biro Siasatan Negara dalam mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa tindakan yang diambil sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini oleh seseorang pegawai Biro Siasatan Negara hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan atau diambil oleh seseorang pegawai Badan Pencegah Rasuah dan bolehlah diteruskan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai Badan Pencegah Rasuah.

Peman-
suan.
Akta 123.

11. Akta Biro Siasatan Negara 1973 adalah dimansuhkan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan Akta Biro Siasatan Negara 1973 dan mengkanunkannya semula sebagai Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 bagi membuat peruntukan mengenai penukaran nama Biro Siasatan Negara untuk mencerminkan dengan lebih sesuai lagi betapa mustahak peranannya sebagai sebuah badan untuk menentang perbuatan rasuah. Sebaik sahaja mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan, Biro Siasatan Negara akan digantikan dengan Badan Pencegah Rasuah. Selain dari melaksanakan penukaran nama, Rang Undang-undang ini mengkanunkan semula pada sebahagian besarnya peruntukan-peruntukan Akta Biro Siasatan Negara 1973.

2. *Fasal-fasal 1 hingga 4 (1), 5, 6 dan 7 mengkanunkan semula dengan ubahsuaian seksyen-seksyen 1 hingga 7 Akta Biro Siasatan Negara 1973. Fasal 4 (2) menjelaskan bahawa semua pegawai Badan adalah anggota perkhidmatan awam am Persekutuan. Fasal 8 mengandungi satu peruntukan baru bagi membolehkan Ketua Pengarah mengeluarkan perintah-perintah tadbir yang dipanggil "Perintah-Perintah Tetap" bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam fasal itu. Fasal 9 menyatakan hal-hal keadaan di dalam mana seseorang pegawai Badan disifatkan dalam tugas. Fasal 10 memperuntukkan bahawa jika apa-apa sebutan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya mengenai Biro Siasatan Negara, maka sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Badan Pencegah Rasuah dan bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa tindakan yang diambil oleh seseorang pegawai Biro Siasatan Negara hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan atau diambil oleh seseorang pegawai Badan. Fasal 11 memansuhkan Akta Biro Siasatan Negara 1973.*

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1063.]